

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 18/12/2018
Edisi / Muka surat : www.bernama.com
Tajuk : **Angkasa timbang kerjasama bekalan bahan binaan dengan China, Iran**

Angkasa timbang kerjasama bekalan bahan binaan dengan China, Iran

Tarikh kemaskini: 18/12/2018



SHAH ALAM, 18 Dis (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) menerusi Konsortium Koperasi Hartanah Negara Bhd menimbang untuk bekerjasama dengan China dan Iran bagi mendapatkan bekalan bahan binaan untuk sektor pembangunan hartanah di negara ini.

Malah, Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata perkara itu telah dibincangkan oleh pihaknya dengan Iran Central Chamber of Cooperative (ICC) dan All China Federation of Supply and Marketing Cooperatives (ACFSMC) ketika menghadiri Persidangan Pakatan Koperasi Antarabangsa (ICA) di Tehran, dua minggu lepas.

“Iran berminat mengeksport bahan-bahan binaan seperti besi ke negara ini. Perbincangan mengenai strategi mendapatkan bahan-bahan tersebut masih diteruskan kerana kita tahu Iran dikenakan sekatan ekonomi.

“Kita melihat kerjasama itu antara inisiatif mengurangkan kos pembinaan dan penjualan hartanah, khususnya rumah. Kita juga dapat memperoleh bahan binaan dengan harga kompetitif apabila berurusan secara terus tanpa melalui pihak tengah,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Pembiayaan Hartanah Koperasi di sini, hari ini.

Abdul Fattah yang juga Presiden Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO), berkata pada masa ini terdapat 19 koperasi di Malaysia, termasuk 10 koperasi kendalian Angkasa yang terbabit dalam pembekalan bahan binaan.

Kerjasama itu turut membantu Angkasa memenuhi sasaran mewujudkan rangkaian koperasi dalam pembekalan bahan binaan di semua negeri pada tahun depan yang mana Sarawak serta Pulau Pinang masih belum memiliki koperasi sedemikian.

Terdahulu ketika berucap, Abdul Fattah berkata antara cabaran dihadapi koperasi yang juga pemaju bidang pembangunan hartanah serta industri pembinaan adalah tiada modal awal yang besar, dana tidak mencukupi serta kesukaran mendapat pembiayaan syarikat kewangan.

“Sehubungan itu, program seperti forum ini secara tidak langsung menjadi platform terbaik bagi koperasi mendapatkan kemudahan pembiayaan,” katanya.

Panel forum sehari tersebut melibatkan bahagian pembiayaan dan kawalan kredit Suruhanjaya Koperasi Malaysia, wakil bank-bank swasta dan Bank Koperasi serta Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Bhd (KOPSYA).

Pada majlis sama, lima koperasi yang sedang atau akan mengusahakan perniagaan pembekalan bahan binaan iaitu Koperasi Warisan Kamal Tuaran Sabah Bhd, Koperasi Felda Papan Timur Bhd, Koperasi Pekida Kluang Bhd, Koperasi Perbadanan Putrajaya Bhd dan Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Bhd menerima bantuan Program Pembangunan Pembekal Bahan Binaan 2018 yang masing-masing berjumlah RM24,000.

-- *BERNAMA*